

Dalang sindiket dadah warga asing diberkas

Wanita warga tempatan baru dibebas turut terlibat

NIK AMIRULMU'MIN NIK MIN

KUANTAN - Polis Pahang menumpaskan kegiatan pengedaran dadah didalangi pelajar kolej swasta warga asing dengan tertangkapnya tiga suspek termasuk seorang wanita tempatan di Bandar Temerloh, malam kelmarin.

Berikutan penahanan tiga suspek berusia antara 27 dan 29 tahun itu, polis merampas pelbagai jenis dadah, termasuk heroin, syabu dan pil estasy bernilai RM1.6 juta, termasuk yang ditemui di dua pangsapuri disyaki kediaman mereka di kawasan Bandar Sungai Long, Kajang, kelmarin.

Turut dirampas, dua kereta jenis Honda Civic dan Proton Saga, telefon bimbit, wang tunai RM2,800 dan mata wang asing AS\$700.

Ketua Polis Pahang, Datuk Sharifuddin Abdul Ghani berkata, dua lelaki warga asing itu ditahan ketika sedang melakukan transaksi pengedaran dadah di kawasan hotel, manakala wanita tempatan berstatus janda dari Kuala Lumpur itu diberkas ketika menunggu di lobi hotel sama.

Menurutnya, suspek bertindak nekad merempuh kenderaan polis ketika cuba meloloskan diri daripada dicekup setelah kegiatan mereka berjaya dihidu sepasukan anggota dari Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang yang diketuai Asisten Superintendan Azli Mohd Noor.

"Kedegilan dua suspek berusia 27 tahun itu memaksa anggota pasukan serbuan melepaskan beberapa das tembakan pada bahagian tayar setelah cubaan mereka menghalang kenderaan itu gagal walaupun cermin tingkap bahagian pemandunya dipecahkan.

"Cubaan suspek melarikan diri gagal apabila berjaya diberkas selepas berlaku pergelutan dan dalam kejadian



● Sharifuddin (dua, kiri) bersama Fatimah Ghazali serta pegawainya menunjukkan sebahagian dadah dan wang tunai yang dirampas.

itu kedua-dua mereka serta seorang anggota polis mengalami kecederaan kecil.

"Hasil pemeriksaan ke atas kereta jenis Proton Saga yang dinaiki, polis menemui dan merampas syabu seberat 800 gram dan 3.7 kilogram heroin," katanya pada sidang media di sini, petang semalam.

Sharifuddin berkata, hasil pemeriksaan ke atas wanita yang baru dibebaskan daripada tuduhan mengedar dadah Ogos lalu menjumpai sebiji pil Eremin 5 dalam beg tangan yang dibawa dan dia juga didapati positif dadah jenis methamphetamine.

Menurutnya hasil soal siasat ke atas suspek, pihaknya menyerbu dua buah pangsapuri di Bandar Sungai Long, Kajang, sebelum menjumpai 1421.1 gram syabu dan 378 biji pil ecstasy seberat 115.6 gram.

"Semua dadah yang dirampas diang-

garkan bernilai RM680,000 mengikut nilai pasaran dan nilai runcitnya pula mencecah RM1.6 juta," katanya.

Beliau berkata, hasil siasatan mendapati bekalan dadah syabu itu dibawa masuk dari luar negara oleh warga asing yang menjadikan warga tempatan sebagai 'keldai dadah' manakala heroin dipercayai dari Kuala Lumpur.

"Sindiket dipercayai menjadikan Temerloh sebagai sasaran pengedaran bagaimanapun siasatan lanjut masih dijalankan bagi mengenal pasti penglibatan mereka dalam aktiviti itu di Pahang.

"Suspek kini ditahan reman hingga 24 Disember depan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Temerloh untuk siasatan lanjut dan kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang membawa hukuman gantung sampai mati jika sabit kesalahan," katanya.